

IMBAS KOD UNTUK VIDEO PENUH MENGENAI TAKLIMAT PEPERIKSAAN

SCAN ME



Atau KLIK LINK

<https://youtu.be/FdFvWM1rHSM>

TAKLIMAT PEPERIKSAAN DAN KAEDAH PENILAIAN

**PENYELARAS PEPERIKSAAN
JABATAN PERDAGANGAN
POLITEKNIK NILAI**

RUJUKAN

- **Arahan-Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian (Diploma) Edisi 6 Jun 2019.**
- **Dasar-dasar berkaitan yang ditetapkan oleh JPPKK dari semasa ke semasa**




SYARAT KELAYAKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN

1. Telah **mendaftar pengajian**
2. Telah **mendaftar kursus**
3. Telah **menghadiri 80%** atau **lebih kuliah/tutorial/amali** bagi jangkamasa yang ditetapkan.



KETIDAKHADIRAN YANG DIBENARKAN

1. Masalah berkaitan **kesihatan**
- PERLU **AKUAN DOKTOR/MC** -
2. Menyertai **aktiviti** yang mendapat **kelulusan Pengarah** (aktiviti **luar politeknik**)
dan
Timbalan Pengarah (aktiviti **dalam politeknik**)
– PERLU KEMUKAKAN **SURAT/MEMO PELEPASAN KULIAH** -



KETIDAKHADIRAN YANG DIBENARKAN

PERINGATAN

1. Pelajar perlu mengemukakan **surat akuan doktor** dengan pengesahan PA/KK/KP/KJ kepada pensyarah kursus **selewat-lewatnya 5 hari bekerja** selepas tidak hadir.
2. Pelajar perlu mengemukakan **salinan surat aktiviti yang diluluskan oleh pengarah/timbangan pengarah** kepada Pensyarah Kursus **selewat-lewatnya 3 hari bekerja** sebelum aktiviti berlaku.

Surat akuan doktor kerajaan atau swasta adalah terhad kepada dua (2) hari berturut-turut dan tidak melebihi lapan (8) hari dalam satu semester.

TINDAKAN KETIDAKHADIRAN PELAJAR

NO.	SURAT	STATUS	TINDAKAN PELAJAR
1.	SURAT PERINGATAN PERTAMA	Ketidakhadiran ke kuliah/amali tanpa sebab munasabah mencapai lebih 10% .	Memastikan kehadiran ke kuliah/amali dipatuhi. Nota : pelajar akan dirujuk kepada Penasihat Akademik.
2.	SURAT PERINGATAN AKHIR	Ketidakhadiran ke kuliah/amali tanpa sebab munasabah mencapai lebih 15% .	Memastikan kehadiran ke kuliah/amali dipatuhi. Nota : pelajar akan dirujuk kepada Ketua Jabatan

TINDAKAN KETIDAKHADIRAN PELAJAR

NO.	SURAT	STATUS	TINDAKAN PELAJAR
3.	SURAT TUNJUK SEBAB	Ketidakhadiran ke kuliah/amali tanpa sebab munasabah mencapai lebih 20% .	Perlu menyediakan surat jawapan/alasan ketidakhadiran kepada Ketua Jabatan (KJ) dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh surat, bersama bukti-bukti yang munasabah.

Nota :

- 1) Surat jawapan/alasan perlu dikemukakan kepada **KJ bagi Jabatan yang menawarkan kursus** berkenaan. (contoh kursus MPU21032 Penghayatan Etika dan Peradaban – KJ Pengajian Am)
- 2) Pelajar **dibenarkan** menduduki Peperiksaan Akhir bagi kursus tersebut sekiranya **KJ menyokong** jawapan/alasan pelajar.
- 3) Pelajar perlu **menyerahkan satu salinan** bukti jawapan/alasan disokong/tidak disokong kepada **Penasihat Akademik** dan **Pensyarah Kursus** untuk tindakan selanjutnya.

MENGIRA KEHADIRAN PELAJAR

$$\% \text{ kehadiran} = \frac{\text{Jumlah kehadiran sebenar (jam)}}{\text{Jumlah kehadiran sepatutnya (jam)}} \times 100$$

Contoh pengiraan


Jumlah jam kehadiran sebenar : 52 jam

Jumlah jam kehadiran sepatutnya : 60 jam

$$\begin{aligned} \text{Peratus} &= \frac{52}{60} \times 100 \\ \text{Kehadiran} &= 86.7\% \end{aligned}$$


Nota : Peratus ketidakhadiran = 13.3% (capai lebih 10%)

- SURAT PERINGATAN PERTAMA AKAN DIKELUARKAN -



JIKA SYARAT INI TIDAK DIPENUHI ;

- 1) Tidak layak menduduki peperiksaan akhir / markah dimansuhkan bagi kursus Penilaian Berterusan (PB).
- 2) Pelajar akan diberi **Gred F** dengan **Nilai Mata 0.00** bagi kursus berkenaan
- 3) Dianggap telah mengambil dan **gagal** kursus tersebut




KES PELAJAR DITAHAN KURSUS KERANA KEHADIRAN KE KULIAH < 80%

PROGRAM PENGAJIAN	JUN 2019	DISEMBER 2019
DIPLOMA PERBANKAN ISLAM (DIB)	-	-
DIPLOMA SISTEM MAKLUMAT PERNIAGAAN (DBS)	2	1
DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANGKAIAN BEKALAN (DLS)	6	2
DIPLOMA PENGURUSAN PERUNCITAN (DRM)	5	-
JUMLAH	13	3

PENDAFTARAN KURSUS

- 1) **TEMPOH: 7 hari** dari tarikh rasmi sesi pengajian bermula.
- 2) Dapatkan **nasihat** Penasihat Akademik dan **kelulusan** Ketua Jabatan.
- 3) Daftar **kursus ulangan** terlebih dahulu.
Kegagalan mendaftar kursus ulangan:
 - ❖ Pelajar diberi **gred F** (nilai mata 0.00).
 - ❖ Pelajar dikira telah mengambil dan **gagal** kursus tersebut.
- 4) Cukup jumlah jam kredit pada setiap semester, **minimum 12 jam kredit & maksimum 20 jam kredit**

MENAMBAH & MENGGUGUR KURSUS

- 1) Jumlah jam kredit tidak kurang/lebih dari yang dibenarkan.
 - **Minimum 12 jam kredit & maksimum 20 jam kredit.**
 - 2) **Tempoh: minggu ke tiga (3) hingga minggu ke enam (6) perkuliahan sesi pengajian.**
 - 3) Dapatkan nasihat **Penasihat Akademik** dan kelulusan **Ketua Jabatan.**
- 

KEHADIRAN PEPERIKSAAN AKHIR

Pelajar hendaklah menduduki peperiksaan akhir bagi kursus yang terlibat **KECUALI**

- 1) mendapat **kebenaran bertulis** daripada Pengarah untuk tidak menduduki peperiksaan itu; atau
- 2) mempunyai **alasan yang munasabah** kerana tidak hadir.
 - **Pelajar** atau **wakil** hendaklah **memaklumkan sebab-sebab** tidak hadir dengan **kadar segera secara bertulis** kepada **Pengarah**.
 - Dapatkan **kelulusan secara bertulis** daripada **Pengarah** mengenainya.

KEHADIRAN PEPERIKSAAN AKHIR

Pelajar hendaklah menduduki peperiksaan akhir bagi kursus yang terlibat **KECUALI** (*sambungan*)

Pelajar yang **sakit** hendaklah menyertakan **surat akuan pegawai perubatan kerajaan** atau **sijil sakit hospital swasta** sebagai bukti.

Nota : Alasan yang dibenarkan

- 1) Masalah kesihatan
- 2) Kemalangan
- 3) Kematian
- 4) Bencana alam
- 5) Kebakaran

KEHADIRAN PEPERIKSAAN AKHIR

Pelajar hendaklah menduduki peperiksaan akhir bagi kursus yang terlibat **KECUALI** (*sambungan*)

- 3) Pelajar **dihalang** daripada menduduki peperiksaan sebagai satu **hukuman** yang diputuskan oleh **pihak berkuasa tatatertib politeknik**.

KEHADIRAN SEMASA PEPERIKSAAN AKHIR


Penting

- 1) Hadir pada **masa** dan **tempat** yang ditetapkan.
- 2) Membawa **kad pelajar, kad pengenalan** dan **slip peperiksaan**.
- 3) Berada di luar dewan/bilik peperiksaan **15 minit sebelum** peperiksaan bermula.
- 4) **Masuk** ke dewan/bilik peperiksaan hanya apabila **diarahkan**.
- 5) Tidak boleh **lewat lebih 30 minit** – **dilarang masuk dewan / bilik peperiksaan**.
- 6) **Dilarang** membawa sebarang **alatan elektronik, kecuali** yang **dibenarkan** Pengawas Peperiksaan.

PEPERIKSAAN AKHIR

Penting

Pelajar dikehendaki untuk **melengkapkan semua maklumat** yang diminta pada Buku Jawapan Peperiksaan setelah diarahkan.

A decorative graphic consisting of several parallel white lines of varying lengths, slanted upwards from left to right, located in the bottom right corner of the slide.

PERLANGGARAN PERATURAN DAN ARAHAN PEPERIKSAAN - MENIRU

Pelajar yang telah **dibuktikan meniru**, **cuba meniru** atau **memberi tiru** akan **dimansuhkan markah peperiksaan akhir** bagi **semua kursus** yang diambil **pada semester berkenaan**.

CONTOH KES PELAJAR MENIRU DAN AKIBATNYA

KEPUTUSAN KES PELANGGARAN PERATURAN DAN ARAHAN – ARAHAN AM PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER SESI JUN 2014

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik Melaka telah bersidang pada 20 November 2014 dan memutuskan keputusan serta tindakan bagi kes Pelanggaran Peraturan dan Arahan- arahan Am Peperiksaan Akhir Semester Sesi Jun 2014.

3. Sehubungan itu, setelah diteliti berdasarkan fakta keterangan kes saksi dan pelajar pihak Jawatankuasa Peperiksaan memutuskan bahawa saudara/ I telah didapati melanggar Peraturan dan Arahan- arahan Am Peperiksaan Akhir kursus **DPB1013- STATISTIC** sepertimana dinyatakan di dalam Arahan- Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian (Pindaan 2013) seperti berikut:

“Bahagian 3, Perkara 11.2: Calon dilarang meniru, cuba meniru atau memberi tiru dengan apa-apa cara jua semasa peperiksaan.

4. Berikutan itu, saudara/ I dikenakan tindakan sepertimana merujuk kepada Arahan- arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian (Pindaan 2013) Bahagian 3: | Perkara 12.2 iaitu:

- i) Pelajar yang telah dibuktikan meniru, cuba meniru, atau memberi akan dimansuhkan markah peperiksaan akhir bagi semua kursus yang diambil pada semester berkenaan



KES MENIRU/MENIPU PEPERIKSAAN AKHIR YANG MELIBATKAN PELAJAR JABATAN PERDAGANGAN SESI JUN 2019

PROGRAM	BILANGAN KES	TINDAKAN YANG DIKENAKAN
DIPLOMA PERBANKAN ISLAM (DIB)	2	GAGAL KURSUS
DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANGKAIAN BEKALAN (DLS)	1	GAGAL KURSUS
DIPLOMA PENGURUSAN PERUNCITAN (DRM)	1	GAGAL KURSUS DAN PELAJAR GAGAL BERHENTI

KAEDAH PENILAIAN

- 1) Penilaian Politeknik KPT berdasarkan **kaedah penilaian kuantitatif** prestasi pelajar di dalam sesuatu program yang dikenali sebagai **Sistem Nilai Mata (SNM)**.

- 2) Pencapaian pelajar menggunakan ukuran:
 - a) **PNM @ GPA**
(**Purata Nilai Mata / Grade Point Average**)

 - b) **HPNM @ CGPA**
(**Himpunan Purata Nilai Mata / Cumulative Grade Point**)



Sistem Gred

Markah	Nilai Mata	Gred	Status
90 - 100	4.00	A+	Sangat Cemerlang
80 - 89	4.00	A	Cemerlang
75 - 79	3.67	A-	Kepujian
70 - 74	3.33	B+	Kepujian
65 - 69	3.00	B	Kepujian
60 - 64	2.67	B-	Lulus
55 - 59	2.33	C+	Lulus
50 - 54	2.00	C	Lulus
47 - 49	1.67	C-	Lulus
44 - 46	1.33	D+	Lulus
40 - 43	1.00	D	Lulus
30 - 39	0.67	E	Gagal
20 - 29	0.33	E-	Gagal
0 - 19	0.00	F	Gagal

MEMPERBAIKI GRED KURSUS


Bagi pelajar yang **lulus** dengan **Gred C-, D+ dan D** bagi mana-mana kursus;

- 1) **Dibenarkan 1 kali** sepanjang pengajian
- 2) Perlu **mengikuti semua aktiviti** kursus sepenuhnya.
- 3) Keputusan **gred terbaik** akan diambil.
- 4) **Tidak boleh melebihi 20 kredit** dalam semester tersebut **kecuali** mendapat **kelulusan KJ**.
- 5) Masih dalam **tempoh** yang dibenarkan
Diploma : **minimum - 5 semester**
maksimum - 9 semester



KATEGORI KEPUTUSAN PENILAIAN

- 1) Lulus Penuh (LP) – Pelajar Semester Akhir
- 2) Kedudukan Baik (KB)
- 3) Kedudukan Bersyarat (KS)
- 4) Gagal dan Diberhentikan (GB)



LULUS PENUH (LP)

Pelajar **semester akhir** yang mendapat **HPNM bersamaan atau lebih 2.00** dan **memenuhi syarat serta layak** dianugerahkan sijil/diploma.

YES! DAH NAK
ABES BELAJAR



KEDUDUKAN BAIK (KB)

Pelajar mendapat **HPNM**
bersamaan atau lebih 2.00.



KEDUDUKAN BERSYARAT (KS)

Pelajar mendapat **HPNM bersamaan** atau **lebih daripada 1.60** dan **kurang daripada 2.00**



GAGAL DAN DIBERHENTIKAN (GB)

- 1) Mendapat **HPNM** kurang daripada **1.60**;@
- 2) Mendapat **PNM** kurang daripada **1.00**; @
- 3) **Gagal sesuatu kursus** sebanyak **3 kali**; @
- 4) Kedudukan **PNM KS tiga (3) kali berturut-turut**; @
- 5) **Gagal Latihan Industri** sebanyak **2 kali**;@
- 6) Telah **melampaui tempoh maksima** pengajian sesuatu program (9 semester).

CONTOH KEPUTUSAN PENILAIAN

NAMA	KELAS	NO. PENDAFTARAN	PNM	HPNM	KPTN
Awie (bukan nama sebenar)	DRM 1B	23DRM18Fxxx	0.72	0.72	GB
Zaleha (bukan nama sebenar)	DLS 3A	23DLS18Fxxx	1	1.81	GB
Jet Li (bukan nama sebenar)	DBS 2A	23DBS18Fxxx	1.86	1.77	KS
Nathan (bukan nama sebenar)	DIB 4A	23DIB17Fxxx	3.82	3.52	KB

PEPERIKSAAN AKHIR KHAS & PENILAIAN KHAS

Peperiksaan Akhir Khas

Pelajar yang layak **dipertimbangkan** untuk menduduki Peperiksaan Akhir Khas;

- 1) Disahkan **sakit** oleh Pegawai Perubatan.
- 2) Kes kecemasan – **kematian** keluarga terdekat, **kemalangan**, **bencana alam** atau **kebakaran**.
- 3) Menyertai **aktiviti** yang **diluluskan Pengarah**.
- 4) **Atlit sukan** yang sedang **mewakili negeri** atau **negara**.

Nota :

- Kegagalan hadir **tanpa sebab** - **Gred F(0.00) / Mengulang Kursus**.
- Kegagalan hadir **dengan sebab munasabah** - **Markah PA = 0**.
Markah / gred untuk kursus hanya ambil kira **markah PB sahaja**.

PEPERIKSAAN AKHIR KHAS & PENILAIAN KHAS

Penilaian Khas

Pelajar **semester akhir** yang memenuhi syarat-syarat berikut;

- 1) Kedudukan **KB**.
- 2) **Gagal satu (1) kursus** sahaja.
- 3) **Telah menduduki PA** bagi kursus berkenaan (jika berkaitan).
- 4) Tidak dikenakan tindakan tatatertib.
- 5) **Diperakukan** oleh **JK Peperiksaan Politeknik**.
- 6) Keputusan lulus – **gred C** sahaja.

PENGUMUMAN KEPUTUSAN PENILAIAN

Pada **tarikh** yang **ditetapkan** dalam **takwim** **peperiksaan** melalui :

- a) **Papan kenyataan**
- b) **Laman web**



PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR JABATAN PERDAGANGAN JUN 2019 DAN DISEMBER 2019

PROGRAM PENGAJIAN	KEDUDUKAN BAIK (KB) [HPNM => 2.00]		KEDUDUKAN BERSYARAT (KS) [1.60 < HPNM < 2.00]		GAGAL BERHENTI (GB)	
	JUN 2019	DISEMBER 2019	JUN 2019	DISEMBER 2019	JUN 2019	DISEMBER 2019
DIPLOMA PERBANKAN ISLAM (DIB)	311	321	0	0	0	0
DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK & RANGKAIAN BEKALAN (DLS)	434	477	3	1	3	0
DIPLOMA PENGURUSAN PERUNCITAN (DRM)	230	241	6	0	4	0
DIPLOMA SISTEM MAKLUMAT PERNIAGAAN (DBS)	205	250	6	1	2	1

PENCAPAIAN ANUGERAH KETUA JABATAN (AKJ) (PNM => 3.50) SESI DISEMBER 2019

PROGRAM PENGAJIAN	BILANGAN PELAJAR	BILANGAN PELAJAR AKJ	PERATUS (%)
DIPLOMA SISTEM MAKLUMAT PERNIAGAAN (DBS)	251	116	46.2
DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN (E-DAGANG) (DEC)	50	-	-
DIPLOMA PERBANKAN ISLAM (DIB)	321	163	50.8
DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK & RANGKAIAN BEKALAN (DLS)	478	213	44.6
DIPLOMA PENGURUSAN PERUNCITAN (DRM)	242	99	40.9

PELAJAR GAGAL KURSUS KOKURIKULUM

PROGRAM PENGAJIAN	JUN 2019	DISEMBER 2019
DIPLOMA PERBANKAN ISLAM (DIB)	2	-
DIPLOMA SISTEM MAKLUMAT PERNIAGAAN (DBS)	-	-
DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANGKAIAN BEKALAN (DLS)	-	1
DIPLOMA PENGURUSAN PERUNCITAN (DRM)	-	1

RAYUAN KEPUTUSAN PENILAIAN

- 1) Boleh dibuat secara **bertulis** kepada **Pengarah Politeknik** dalam tempoh **14 hari** daripada tarikh keputusan rasmi.
- 2) Bayaran **RM50.00** dalam bentuk **kiriman wang/wang pos** atas nama **“Pengarah Politeknik Nilai, Negeri Sembilan”**
- 3) **Keputusan rayuan** akan dimaklumkan dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh penerimaan keputusan rayuan daripada **Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik**.

PENYEMAKAN SEMULA SKRIP JAWAPAN

- 1) Boleh membuat **permohonan** secara **bertulis** kepada **Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik** dalam **tempoh 14 hari** daripada tarikh keputusan rasmi.
- 2) **Bayaran RM25.00** dalam bentuk **kiriman wang/wang pos** atas nama “**Pengarah Politeknik Nilai, Negeri Sembilan**” bagi **setiap kursus** yang ingin disemak.
- 3) **Keputusan semakan semula** akan **dimaklumkan** dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh penerimaan keputusan semakan semula daripada **Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik**.

SYARAT PENGANUGERAHAN SIJIL/DIPLOMA

- 1) **Lulus semua kursus** yang **disyaratkan**;
- 2) Mencapai **jumlah jam kredit** yang **ditetapkan** bagi sesuatu program.
- 3) Telah **menamatkan Latihan Industri (LI)** dan **memenuhi syarat-syarat** yang ditetapkan berhubung dengannya.
- 4) **Memenuhi semua kehendak program** dan **diperakui oleh Lembaga Peperiksaan.**

PENARIKAN @ PEMBATALAN SIJIL/DIPLOMA

Jika didapati mengemukakan **dokumen kelayakan palsu** semasa membuat **permohonan kemasukan ke Politeknik** Kementerian Pendidikan.

A decorative graphic consisting of several parallel white lines of varying lengths, slanted upwards from left to right, located in the bottom right corner of the slide.

SESI SOAL JAWAB





**TERIMA
KASIH!!!**